

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 1 RABU 1 JANUARI, 1969 1388 رابو 11 شوال PERCHUMA

TITAH UCHAPAN TAHUN BARU 1969: BERBAGAI2 MASAALAH YANG AKAN DI-TEMPOH



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

1969 MERUPAKAN
CHABARAN DAN
"TAHUN UJIAN"
—Pmk M.B.

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam amanat Tahun Baru kepada seluruh rakyat telah bertitah bahawa kita akan menempoh berbagai2 masaalah baru pada menyelenggarakan penyambongan apa yang di-laksanakan tahun sudah.

Dalam menghadapi tahun yang baru ini, titah Baginda, kita akan terus dan dengan lebih deras lagi pada menguatkan soal2 yang mustahak dengan langkah yang sederhana laila munafaat yang benar2 mendatangkan faedah untuk kemakmoran dan keamanan negeri.

Baginda mengharapkan berlipatganda-nya keamanan dan ketenteraman pada menghadapi perkembangan2 sama ada perkembangan2 yang di-laksanakan oleh bahagian kerajaan mahupun usaha2 pehak private atau persaorangan di-negeri ini.

Mengenai perkembangan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bertitah:

"Kerajaan Beta sentiasa saja melaksanakan projek2 yang munasabah dan bermunafaat yang mana pelaksanaan tersebut laila mengkehendakkan tenaga usaha kerajinan dan tabah laila kepatohan rakyat penduduk isi dalam Negeri Brunei Darul Salam ini".

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan mensifatkan ada-lah elok bagi penduduk2 serta isi dalam Negeri Brunei ini dengan jalan persendirian membuat usaha2 yang

di-redzai pada melailakan taraf kemakmoran negeri.

Oleh yang demikian, titah Baginda, usaha itu hendaklah disertai benar2 dengan niat yang suci — hasrat jujur laila bersehe melaksanaka usaha2 kebajikan yang berfaedah — bermunafaat laila munasabah — pembawaan yang laila sederhana dan menghubungkan kebaikan dengan sahabat yang berjasa itu akan menjadi laila chatetan kenangan sebutan baik di-dunia dan mudahan bakal atau laila bawaan tangan ka-akhirat.

Mengenai tiba-nya tahun 1969, Duli Yang Maha Mulia mengharapkan-nya sa-bagai dalil laila mithal di-segi pengalaman pada memandang jauh ka-hadapan untuk melengkapkan negara sa-tapak demi sa-tapak pada melangkah ka-satu suasana yang baik.

(LIHAT MUKA 8)

BANDAR BRUNEI — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Abdul Rahim dalam ucapan menyambut tahun baru telah menyatakan keyakinan beliau bahawa tahun 1969 akan memperlihatkan kejayaan yang kita harap2-kan.

Beliau berdoa muga2 Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati kita dengan kemakmoran, kebahagiaan serta ketenteraman yang berlebeh2an pada tahun ini dari tahun2 yang sudah.

Pemangku Menteri Besar telah mengulang kembali perkara2 yang berlaku dalam tahun lalu yang di-sifatkan beliau sa-bagai kenang2an yang membawa kebaikan kepada negara dan rakyat.

Kerana itu, Pemangku Menteri Besar penoh keyakinan dengan tiba-nya tahun 1969 ini akan merupakan tahun yang lebih men-chabar, lebih berkehendakkan daya usaha serta tenaga kita dan memerlukan pengorbanan yang lebih berat dari yang pernah kita lihat, kita alami, kita rasai dan kita bebani.

"Chabaran yang hebat yang kita hadapi pada tahun ini akan terus menerus kita hadapi hingga ka-awal tahun 70-han nanti dan sedikit sa-banyak tahun ini merupakan "tahun-uji" bagi kita untuk hidup dan terus hidup — bernafas dengan penoh tenaga dan semangat", tegas beliau.

Menjelaskan tentang chabaran2 itu, Pemangku Menteri Besar berkata:

"Sa-chara kasar chabaran2 itu memancar dari dua sumber besar ia-itu kederasan dan kepesatan pembangunan negara; dan, kejadian2 mendadak yang telah berlaku di-negara2 jiran".

Beliau juga menyebut tentang masaalah2 yang di-tempoh untuk melaksanakan projek2 pembangunan negara saperti masaalah perburuhan dan material untuk pembinaan dan lain2.

(Lihat Muka 8)

TIGA ORANG PEGAWAI DAPAT KURNIAAN TAHUN BARU

BANDAR BRUNEI — Tiga orang pegawai dari Brunei telah mendapat kurniaan dari Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen dalam sinarai penghormatan tahun baru.

Sinarai itu di-dahului oleh Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Utama, Awang Isa bin Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Utama

Haji Ibrahim dengan di-kurniakan pingat OBE (kehor-mat).

Pengiran Omar bin Pengiran Haji Apong, Timbalan Penguasa Polis telah di-kurniakan dengan Colonial Police Medal.

Sementara Awang Robert Cheok Hock San pula di-kurniakan dengan British Empire Medal.

Sambongan ucapan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Dato Utama John Lee dalam Majlis Mashuarat Negeri (Belanjawan).

Harapan untuk menambah penghasilan minyak di-negeri ini

Sharikat Minyak Shell Brunei dahulu-nya telah pun bersestuju pada asas-nya bagi mengira perbelanjaan royalti2 mulai daripada 1 Januari, 1964, dan sunggoh pun undang2 yang baru tidak akan mulai berjalan kuat kuasa-nya sa-hingga 1 Januari, 1969, Sharikat itu menghormati perjanjian-nya dan membayar kepada Kerajaan pada akhir perundangan2 satu jumlah sa-banyak \$34 juta dengan jalan chukai2 kebelakangan.

Berbalek sekarang kepada kedudukan kewangan dewasa ini, ahli2 Yang Berhormat akan dapat melihat pada penghujung 1968, sa-sudah memenohi semua Perbelanjaan Yang Berulang2 dan Kemajuan bahawa sa-patut-nya ada satu kelebihan pada keseluruhannya kira2 sa-banyak \$27 juta.

Ini hampir2 keseluruhannya ada-lah di-sebabkan penerimaan di-sepanjang tahun chukai2 kebelakangan yang di-timbolkan daripada Undang2 Perminyakan yang telah di-gubal itu.

Ini ada-lah satu limpah rahmat bahawa tambahan pembayaran chukai ini di-terima pada satu ketika di-mana Negeri ini ada-lah khas-nya di atas memenohi perbelanjaan Kemajuan yang berat. Baki Kira2 Hasil Masok Yang Di-Satukan berdiri pada angka \$659 juta pada permulaan tahun 1968 sa-patut-nya akan lebeh kurang \$686 juta pada penutupan tahun.

SUNGGOH pun, sa-seorang itu hendak-nya jangan-lah lekas berpuas hati. Bahawa ada-lah perlu ia itu Perbelanjaan Yang Berulang2 patutlah membayangkan sesuatu-nya yang biasa saja dan mengawal bertambah-nya membesar perkhidmatan2 dan sa-hingga ka-peringkat ini, Jawatankuasa yang mengandungi dari ahli2 Majlis ini yang telah di-lantek bagi memeriksa permintaan2 untuk Perbelanjaan tahun 1969 telah di-berikan tugas bagi melakukan-nya.

Memotong perbelanjaan yang di-minta hingga had yang di-perlukan saja ada-lah sukar, dan ada-lah menggembarakan bagi menchatetkan-nya bahawa permintaan2 bagi peruntukan perbelanjaan dalam tahun 1969 pada mula-nya berjumlah sa-banyak \$162 juta

Sa-bagaimana ahli2 Yang Berhormat akan dapat melihat ini telah di-kurangkan menjadi \$130.5 juta, butir2nya ada-lah di-bentangkan dalam Anggaran Perbelanjaan yang telah di-perbincangkan dalam Kertas Persidangan.

Tidak dapat di-elakan di-sepanjang enam tahun belakangan ini bahawa telah berlaku pembesaran segera di-dalam jabatan2 tetapi kebanyakannya ada-lah mempunyai kaki tangan dan alat2 yang lengkap. Sunggoh pun perkhidmatan Pelajaran dan ka-peringkat yang kurang sedikit Perkhidmatan perubatan akan terus berkembang sa-hingga sampai ka-satu peringkat yang paling sesuai, perbelanjaan di-jabatan2 lain hendak-lah rata dan Jabatan2 yang berchurak berniaga seperti Elektrik dan Telikom bertambah dalam Perbelanjaan Yang Berulang2 patutlah di-dampingi oleh penambahan2 dalam hasil masok.

Satu daripada keputusan2 perundangan dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah saya susulkan pada awal-nya tadi ia-lah bahawa Chukai Pendapatan sekarang akan di-bayar dalam dua anSORAN. Pertama, dalam bulan Disember sa-belum tahun penilaian; dan kedua, dalam bulan Mach dari tahun penilaian.

Dahulu-nya pembayaran akan jatuh hanya sa-sudah bulan Jun dalam tahun penilaian sekali pun Sharikat Minyak biasa-nya membayar jumlah terbesar pada awal-nya. Royalti2 akan di-bayar pada tiap2 suku tahun sekali bukan-nya lagi sa-tengah tahun sekali. Ini berarti bahawa di-sepanjang tahun 1969, Kerajaan akan menerima bukan saja Chukai untuk tahun penilaian 1969 tetapi juga 50% dari chukai yang di-anggarkan untuk tahun penilaian 1970.

Sa-bagai tambahan hasil masok daripada Royalti2 Minyak akan termasuk juga kepada yang berkaitan dengan enam bulan terakhir dari tahun 1968 dan sembilan bulan pertama tahun 1969. Berlipat ganda dengan susunan2 kewangan lain-nya yang telah di-persestujui dengan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, ini akan mengakibatkan dalam Hasil

Masok di-sepanjang tahun 1969 sampai kepada satu angka yang belum pernah dahulu-nya berlaku ia itu \$220 juta. Kerana Perbelanjaan Yang Berulang2 ada-lah kemungkinan-nya tidak akan melebehi daripada \$130 juta bahawa sepatut-nya ada satu kelebihan ka-atas Perbelanjaan Yang Berulang2 kira2 sa-banyak \$90 juta.

Berkaitan dengan ini, bahawa dengan gembira-nya di-maklumkan kepada ahli2 Yang Berhormat ia itu ada-lah tidak perlu bagi meninggikan hasil masok dengan jalan lain sa-perti yang berben-tok chukai atau dengan jalan menambah chukai2 yang ada sekarang ini.

Sunggoh pun angka hasil masok dalam 1969 akan lebeh tinggi daripada yang boleh di-jangka dalam tahun 1970, bahawa ada-lah di-harapkan ia itu menchari minyak yang pada masa ini sedang di-jalankan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan berjaya. Sa-bagai tambahan satu bebanan yang telah pun di-berikan ka-satu Sharikat Minyak yang lain telah di-kaji dan Sharikat yang berkenaan bermaksud hendak mengorek minyak pada awal tahun hadapan. Baru2 ini pula bebanan telah juga di-berikan kepada Sharikat Minyak yang ketiga, oleh itu keseluruh Negeri ada-lah di-benarkan bagi menchari minyak.

Saya ingin pula hendak ber-bicara mengenai Perbelanjaan Kemajuan:

Perbelanjaan tahun ini ada kemungkinan-nya di-sekitar \$63.6 juta. Satu jumlah sa-banyak \$93.4 juta telah di-adakan bagi memenohi perbelanjaan. Jadi akan ada satu baki sa-banyak \$29.8 juta bagi di-bawa ka-hadapan ka-tahun 1969.

Pada tahun yang lalu saya telah menyatakan bahawa kadar yang paling sesuai bagi Perbelanjaan Kemajuan dalam jangka panjang kemungkinan di-sekitar \$40 ka-\$50 juta sa-tahun. Pada masa sekarang ini banyak ranchangan2 yang berharga mahal seperti perlabohan kapal, Lapan-

gan terbang, Jalan Raya, Saloran Najis dan Sekolah2 yang di-perlukan akan di-siapkan dengan seberapa segera yang boleh, tetapi akan melibatkan lebeh tinggi daripada perbelanjaan biasa dalam tempoh dua ka-tiga tahun yang akan datang.

Keseluruhan-nya perbelanjaan pada tahun hadapan akan sampai ka-\$115.2 juta. Sa-sudah membolehkan sa-banyak \$29.8 juta di-bawa ke hadapan daripada tahun 1968 satu jumlah sa-banyak \$85.4 juta akan di-perlukan dan ini akan di-penohi daripada kelebihan ka-atas perbelanjaan Yang Berulang2.

Saya telah menyentoh dalam Uchapan2 Perbelanjaan yang dahulu-nya tujuan segera Ranchangan Kemajuan ada-lah bagi mengadakan Negeri ini dengan perkhidmatan2 keperluan yang moden, kerana dengan tanpa ada-nya keperluan2 moden ini maka tidak mungkin-lah untuk ranchangan kemajuan selanjutnya yang akan di-jalankan oleh Kerajaan atau di-kalangan persendirian.

Dalam hubungan ini kerja2 telah pun di-mulakan terhadap ranchangan \$20 juta jalan2 raya di-luar bandar di-Daerah Temburong, dan rangka2 dan perinchian2 bagi kemudahan2 yang sama di-Daerah2 Tutong dan Brunei ada-lah berjalan dengan lancar-nya. Dalam hubungan yang sama Jabatan Kerja Raya sedang melaksanakan melalui kawasan2 yang sukar seperti di-jalan antara Sungai Liang ka-Labi, Kota Batu ka-Sungei Besar, dan menuju ka-Penan-jong dan Lamunin.

Jalan Kuala Belait — An-duki sedang di-perbesarkan, di-perkuat dan di-ratakan semula berikutan di-ambil semula daripada Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad. Sa-bagai tambahan kepada ranchangan2 tersebut, Pegawai Daerah ada-lah sedang giat melaksanakan sistem jalan2 kechil ka-lebeh banyak kampung2 di-perdalaman.

Dengan satu ranchangan yang sa-besar ini, dalam jarak tempoh beberapa tahun saja kampung2 tidak akan lagi terpenchil daripada pusat2 di-kota seperti yang mereka alami di-masa2 yang silam.

(Sambongan-nya minggu depan).

ALLAH subahanahu wata'ala menjadikan manusia dan memberi penghormatan kepada manusia dengan membekalkan fikiran untuk menimbangkan burok baik-nya sa-suatu perkara itu. Manusia di-tugaskan oleh Allah untuk menunaikan perintah-nya dan menjauhi segala larangan-nya.

Manusia di-keluarkan dari perut ibu-nya adalah kurnia dan rahmat dari Tuhan, kedua ibu bapa itu di-bekalkan dengan perasaan kaseh sayang terhadap anak-nya dan di-wajibkan ka-atas kedua-nya menjaga dan memelihara anak itu serta memberi pendidekan kepada anak itu menjadi manusia yang berguna dan ta'at kepada Allah.

WAJIB

Di-samping itu Allah me-wajibkan supaya manusia berbuat baik kepada kedua orang tua-nya dan memelihara kedua-nya dengan sempurna-nya. Perkara ini di-tegaskan oleh Tuhan dalam surah Lukman ayat 14 yang bermaksud:

"Dan kami wasiatkan (pe-

Untuk menjadikan anak yang baik ibu—bapa perlu tunjukkan tauladan

KHUTBAH JUMA'AT

Pendidekan untuk anak2 harus di-titikberatkan oleh ibu—bapa sendiri dan tidak hanya di-serahkan kepada pendidekan di-sekolah

rentahkan) kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapa-nya, ibu-nya mengandung dengan menderita kelemahan demi kelemahan."

Oleh itu kita hendaklah mengikut perintah Tuhan dan menasihatkan anak2 kita supaya berbuat baik terhadap orang tua-nya. Dalam hubungan ini

orang-tua2 hendaklah menunjokkan chuntoh tauladan yang baik kepada anak2 mereka.

Jangan-lah di-salah menger-tikan bahawa perintah Tuhan supaya sa-seorang anak berbuat baik dan ta'atkan ibu bapa-nya itu merupakan satu perkara yang mutlak, bahkan ta'at kepada ibu bapa ada mempunyai batasan, ia-itu sa-seorang tidak-lah di-benarkan ta'at kepada ibu bapa-nya, sa-kira-nya ibu bapa-nya menyuroh melakukan perkara yang maksiat.

MEMAKSA

Perkara ini di-nyatakan oleh Tuhan dalam Surah Lukman ayat 15 yang bermaksud:

"Dan kalau kedua-nya (ke-dua ibu bapa) memaksa engkau supaya mempersekutukan aku (Tuhan) dengan apa yang engkau tiada ketahui, maka ja-

ngan-lah engkau ta'at kepada kedua-nya dalam perkara tersebut, dalam pada itu bergaul-lah engkau dengan kedua-nya di-dunia ini dengan keadaan yang baik dan sesuai."

PENDIDEKAN

Dalam hubungan ini, pendidekan sangat-lah penting untuk membentuk sa-seorang anak itu dan untuk menentukan haluan-nya di-masa yang akan datang dalam menempoh hidup yang penuh dengan perjuangan. Oleh itu hendaklah di-fikirkan masalah pendidekan anak2 kita dan kita hendaklah mengambil berat mengenai dengan pendidekan, kerana kalau perkara itu hanya kita serahkan kepada sekolah atau hanya kepada guru tentu-lah hasil-nya kurang memuaskan. Di-samping itu jangan sekali di-chuailkan pendidekan anak2 dalam bidang Ugama, kerana ada-lah sangat di-takuti kalau anak2 itu salah didekan, maka anak2 itu di-kemudian hari akan menjadi saperti pepatah orang tua2 "pisau memakan surung-nya".



Kapal Bolkiah — salah sa-buah kapal yang membawa bakal2 haji Brunei ka-Labuan ketika hendak meninggalkan tambatan Kastam Di-Raja Brunei.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 1 Januari, 1969 hingga ka-hari Selasa 7 Januari, 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
1 Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29	
2 Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29	
3 Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29	
4 Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29	
5 Jan.	12-30	3-50	6-27	7-40	4-57	5-12	6-29	
6 Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31	
7 Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.



1hb. Januari, 1969

KEDATANGAN 1969

BERTEPATAN dengan ke-luaran Pelita Brunei hari ini, maka genap-lah usia-nya 14 tahun yang mana dalam jangka waktu itu, akhbar ini sa-bagai sifat-nya akhbar Rasmi Kerajaan sebanyak sedikit telah dapat menyumbangkan bakti-nya pada memberikan penerangan2 tentang usaha2 yang di-lakukan oleh Kerajaan untuk di-ketahui oleh raayat.

Usaha2 Kerajaan yang patut di-ketahui oleh orang ramai te-lah di-siarkan dengan meluas dan penoh yakin yang raayat akan dapat mengikuti dan me-mahami-nya. Kelichinan usaha penerangan ini ada-lah berkait rapat dengan kerjasama yang di-berikan oleh seluruh jabat-an2 yang berkenaan dengan memberikan laporan2 untuk di-ketahui ramai dengan penya-loran-nya melalui Jabatan Pen-yiaran dan Penerangan yang bertugas sa-bagai jentera pe-mutar penerangan Kerajaan. Kesedaran jabatan2 itu sa-memang-nya di-perlukan dalam usaha melayani kehendaki ra-ayat yang ingin mengetahui akan keadaan usaha2 Kerajaan dalam menuju ka-arrah perkem-bangan dalam berbagai2 segi keamanan, kemakmoran dan kesejahteraan.

Kedatangan tahun 1969 yang hari ini kita sudah mula ber-ada dalam rangkulan-nya ada-lah mempunyai kemungkinan2 dalam berbagai2 segi yang ter-paksa di-tempuh baik kita ba-kal di-bawa-nya dengan ling-gang-lingkok senyuman yang mengembirakan atau dengan aliran keringat yang penoh ke-tabahan dan kecekalan atau pun pada yang sabalek-nya.

Tetapi yang ternyata dengan lembaian selamat tinggal dari Tahun 1968 kelamarin, seku-rang2-nya kita sudah dapat me-ramalkan apakah yang di-ke-hendaki oleh tahun 1969 ini.

Duli Yang Maha Mulia Pa-duka Seri Baginda Sultan ber-titah dalam amanat menyambut tahun baru 1969 dengan penoh keyakinan:

"Kita akan terus dan dengan lebeh deras lagi pada mengu-atkan soal2 yang mustahak yang benar2 mendatangkan faedah untuk kemakmoran Negeri Bru-nei Darul Salam. Aman, ten-teram laila subor sentosa yang berasaskan laila keselamatan (terselamat dari melapetaka — di-jauhkan dari merbahaya) menghadapi perkembangan2 sama ada perkembangan2 yang di-laksanakan oleh Kerajaan, mahupun usaha2 dari persa-orangan".

Dari titah ini sudah dapat di-jejak betapa negara kita ini akan terus bergerak untuk men-chapai kemajuan2 yang lebeh pesat yang bukan hanya dari usaha2 Kerajaan, bahkan juga dari usaha raayat dan penduduk negeri ini sendiri untuk mem-bawa negara kita ini hidup da-lam suasana yang aman, ten-teram dan makmor yang di-redzai Allah.

Untuk tujuan yang murni ini, kita harus menyoal bahawa apakah sumbangan yang patut di-buat?

Hakikat sa-benar-nya harus di-sedari dan dengan penoh keyakinan kita harus meleng-kapkan diri dengan sa-lengkap2-nya untuk menghadapi masa yang gemilang yang terbit dari tujuan yang murni itu.



Awang Mohd. Ali.

Perlawanan bola keranjang tiga wilayah: Sarawak berjaya pertahankan kejohanan

BANDAR BRUNEI — Sarawak telah menjadi johan kedua2 bahagian lelaki dan wanita, dalam perlawanan bola-keran-jang antara wilayah de-ngan mengalahkan Bru-nei dan Sabah. Perlawan-an tersebut telah di-ada-kan di-gelanggang Seko-lah Menengah Chung Hwa, Bandar Brunei sa-lama tiga hari berturut2 yang berakhir pada Isnin lepas.

Dalam perlawanan malam terakhir bahagian lelaki, pa-sokan Sarawak telah menga-lahkan Brunei dengan hitong-an mata 78—63, dan menga-lahkan Sabah, pada malam Ahad, dengan hitongan mata 80-54, dan dengan kemenang-an ini, Sarawak berjaya mem-pertahankan Piala Wee Kheng Ching.

Dalam bahagian wanita, Sa-rawak mengalahkan Sabah de-ngan hitongan mata 39—32.

Hadhiri latehan penyakit jiwa

BANDAR BRUNEI — Dr. I.G. Singh, pakar penyakit otak di-rumah sakit besar, Bandar Brunei, di-jadualkan berlepas ka-Wellington, New Zealand dan Sydney, hari ini untuk menjalani latehan ilmu penyakit jiwa.

Latehan tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Pertubohan Ke-sihatan Sa-Dunia.

Beliau akan di-tempatkan di-institute ilmu penyakit jiwa di-Wellington sa-lama dua bu-lan dan di-Sydney sa-lama satu bulan.

Penduduk2 di-seru supaya terus menerus memberikan kerjasama kapada Kerajaan

BANDAR BRUNEI — Pega-wai Daerah Brunei-Muara, Awang Mohammad Ali bin Awang Besar telah menyeru kapada penduduk2 di-daerah ini supaya terus menerus memberikan kerjasama mereka kapada kerajaan sa-bagaimana yang telah mereka lakukan pada masa yang sudah2.

Awang Mohammad Ali ber-kata, kerjasama mereka dan nasihat yang telah di-berikan kapada beliau dan jabatan-nya oleh ahli2 majlis mashuarat

daerah dan orang2 ramai di-sepanjang tahun 1968 telah membolehkan beliau melak-sanakan segala ranchangan2 perkembangan di-daerah ini menurut jadual.


Awang Mohammad Ali ber-kata demikian ketika mem-balas ucapan2 penanggihan oleh empat orang ahli2 majlis mashuarat daerah Brunei-Muara dalam persidangan-nya yang telah di-adakan di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Bru-nei semalam.

Ahli2 majlis mashuarat itu ia-lah Awang Mohammad Zain bin Metali, wakil kawas-an Pintu Malim, Awang Sulai-man bin Ja'afar, wakil kawas-an Saba, Haji Awang Yaakub bin A. Zainal, wakil kawasan Sumbiling dan Awang Sham-suddin bin Lamat, wakil ka-wasan Lumapas-Kasat.

Mereka telah menyentuh be-berapa masaalah termasuk ke-bajikan penduduk2, membaiki jalan2 kechil dan bekalan ayer di-kawasan luar bandar.

Awang Mohd. Ali juga telah menguchapkan terima kaseh kapada ahli2 majlis itu atas kerjasama mereka di-sepan-jang tahun lepas.

Beliau juga telah menerang-kan ranchangan2 yang akan di-selenggarakan oleh jabatan-nya bagi tahun ini.



Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof sedang menyampaikan piala kejohanan kapada ketua pasokan Sarawak yang telah menjadi johan dalam baha-gian perempuan.



Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohd. Jamil ketika merasmikan pembukaan mashuarat agong Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei pada hari Sabtu lepas.

PERUSAHAAN PERTANIAN MAINKAN PERANAN PENTING BAGI SA-SEBUAH NEGARA

BANDAR BRUNEI — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil bin Begawan Pehin Udana Khatib Haji Awang Umar berkata bahawa perusahaan pertanian ada-lah memainkan peranan penting untuk mengukuhkan ekonomi bagi sa-sebuah negara.

Beliau berkata, dengan menyedari saja betapa penting-nya perusahaan pertanian itu tidak-lah memadai, kerana perusahaan tidak akan timbul dengan sendiri dan mendatangkan hasil yang di-hajati jika tidak di-usahakan dengan bersungguh2 kerana ini juga tidak-lah di-sifatkan sa-bagai satu usaha yang boleh di-chipta.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja berkata demikian ketika merasmikan mashuarat agong Persekutuan Persatuan2 Peladang Negeri Brunei kali yang ketiga yang telah berlangsung di-Madrasah Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Beliau berkata, perusahaan pertanian mempunyai berba-

gai2 masalaah yang memerlukan penyelesaian dan penyelesaian.

Yang Berhormat itu juga mengharapkan mashuarat tersebut akan menghasilkan berbagai2 ranchangan yang tersusun dan mendatangkan faedah kepada bangsa dan negara.

“Semoga dengan berkat niat suci2 Awang2 dan Da-yang2 terhadap bangsa dan negara itu, Tuhan sentiasa akan memberi petunjuk dan mendorong kita kepada jalan yang di-redzai-nya”, tambah beliau.

Yang Berhormat itu mengakhiri ucapan-nya dengan mengucapkan terima kasih kepada jawatankuasa persekutuan persatuan2 peladang yang telah memberikan penghormatan kepada beliau untuk merasmikan mashuarat tersebut dan juga mengucapkan tahniah kepada persekutuan tersebut yang telah berusaha untuk menghasilkan perusahaan pertanian sa-bagai menyumbangkan tenaga untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Turut memberikan ucapan di-majlis tersebut ia-lah Pengarah Pertanian, Awang K.G. Malet dan Setia Usaha Persekutuan Persatuan2 Peladang, Awang Ahmad bin Haji Ismail.

Mashuarat tersebut telah di-hadhiri lebih dari 100 perwakilan dari 81 buah persatuan peladang di-negeri ini.

Hadhiri kursus urusan rumah tangga

BANDAR BRUNEI — Tiga orang guru ugama perempuan telah berlepas ka-Malaysia Barat dengan kapal terbang pada minggu lalu untuk mengikuti kursus urusan rumah tangga, di-Pusat Latehan Taman Wanita, Ipoh, Perak, selama satu tahun.

Mereka ia-lah Dayang Malai Hamidah binte Sheikh Nikman, Dayang Maznah binte Abang Taha, dan Dayang Mulia binte Abdul Rahman.

Ini ada-lah julong2 kali guru2 ugama, di-hantarkan kerana mengambil kursus itu, oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama.

Johan silat

BANDAR BRUNEI — Lapangan orang peserta mewakili persatuan2 belia di-Daerah Brunei-Muara, telah mengambil bahagian dalam peraduan silat, anjoran Persatuan Belia Burong Pingai Berakas, di-bangunan persatuan itu pada malam Isnin lepas.

Peraduan itu di-adakan kerana menyambut Hari Raya, dan sebahagian dari projek tahunan persatuan tersebut.

Tempat pertama di-menangi oleh Awang Abdul Latif Yassin dari Persatuan PAK MURBA, dan kedua, Awang Damit Haji Bolaji, dari Persatuan PERKASA.

SEKOLAH BARU KG. LUMUT DI-GUNAKAN BULAN INI


KUALA BELAIT — Sekolah Melayu Lumut di-Daerah Belait telah siap pembenaan-nya dan ia-nya akan di-gunakan apabila sekolah di-buka dalam bulan ini.

Pembenaan sekolah baru yang menelan belanja kira2 \$300,000.00 itu ada-lah bagi menggantikan bangunan sekolah yang telah di-bena dalam tahun 1963 oleh penduduk2 kampung di-kawasan tersebut dengan bantuan kewangan daripada Jabatan Pelajaran.

Sekolah baru itu mempunyai enam buah bilek darjah, sa-buah bilek untuk guru besar, sa-buah bilek rehat bagi guru2, dewan makan dan dapur.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, sekolah baru itu juga mempunyai kemudahan2 sokan dan olah raga dan sa-buah padang perhimpunan.

Rumah2 kelas ‘F’ untuk guru2 mengajar di-situ juga di-bena berhampiran dengan sekolah tersebut.



Gambar menunjukkan bangunan baru Sekolah Melayu Kampong Lumut di-Daerah Belait.

BELIA2 DI-SERU SUPAYA

WASPADA MENGHADAPI

MASAALAH YANG

MERINTANGI KEMAJUAN

BANDAR BRUNEI — Pemangku Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berkata, belia2 di-Brunei telah sedar akan tugas dan tanggung jawab mereka terhadap negara yang dapat mendzahirkan satu perasaan kritif dan membena.

Beliau berkata, sa-sebuah negara yang ingin maju seperti Brunei, penduduk2-nya tidak sa-harus-nya bergantung sa-mata2 kepada kerajaan dan kebanyakan usaha2 yang di-buat itu adalah di-hasilkan oleh penduduk-nya sendiri.

Pemangku Menteri Besar itu berkata demikian ketika merasmikan pembukaan bangunan baru dan kedai sharikat Persatuan Angkatan Belia Burong Pingai Berakas (PERANG-KAP) di-bangunan persatuan itu pada hari Ahad lepas.

Beliau juga menguchapkan ta'niah kepada penduduk2 Kampong Burong Pingai Berakas kerana sama2 menjayakan rancangan persatuan itu dengan bergotong-ruyong yang di-sifatkan beliau sa-bagai amalan masharakat orang2 Brunei yang telah ujud sejak zaman berzaman.

Pemangku Menteri Besar itu berkata, bumi Brunei tidak-lah jauh beza-nya dengan bumi lain di-dunia ini kerana itu tidak-lah mustahil bagi kita untuk mencapai usaha2 itu, tetapi sa-tekat ini kita maseh ke-rukutangan tenaga.

Kata-nya, walaupun Negeri Brunei sa-buah negeri yang kecil dan penduduk-nya dari sa-tahun ka-sa-tahun kian bertambah dan sudah sa-wajarnya-lah penduduk negeri ini sendiri akan menghadapi masa'alalah itu dengan melipat-gandakan usaha2 mereka.

Menyentuh mengenai iktasad, beliau berkata, kita tidak sa-mesti-nya mengharapakan barang2 yang di-bawa masuk dari negeri lain ka-negeri ini akan dapat menjamin kehidupan, tetapi kita hendak-lah berusaha untuk mengatasi masa'alalah itu.

Beliau juga menyeru kepada belia2 agar bersiap sedia dan penoh waspada untuk menghadapi berbagai masa'alalah yang merintangikan kemajuan.

"Di-tangan belia-lah terletak-nya kemajuan bangsa dan tanah ayer-nya", tegas beliau.

Terdahulu sa-belum itu, Pengerusi PERANGKAB, Awang Ahmad bin Hussein te-

lah berkata, ekonomi orang2 Melayu terlalu mundur dengan kesedaran itu-lah Persatuan itu mendirikan kedai Sharikat.

Sa-bagai mewakili Persatuan itu, beliau juga menyampaikan ikrar ta'at setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Mu'izaddin Waddullah dan Kerajaan Baginda.

Turut memberi ucapan dimajlis itu ia-lah Pengerusi Tetap Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Awang Mohamad Zain bin Haji Serudin, Awang Abu Hanifah, sa-bagai wakil Pesuruhjaya Kebajikan Masharakat dan Ketua Kampong Burong Pingai Berakas, Awang Mohamad Yusof bin Dato Imam Haji Mokti.

Majlis itu juga mendengar bacaan ayat2 Suchi Al-Koran oleh Dayang Norsiah bte. Ahmad.

BANDAR BRUNEI — Lebih dari lima ribu orang telah membanjiri tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei pada hari Jumaat lepas untuk menguchapkan selamat belayar kepada 155 orang bakal haji yang bertolak ka-Mekah untuk menunaikan fardhu haji.

Bakal2 haji itu telah belayar ka-Labuan dalam tiga buah kapal kerajaan dan dari sana mereka akan bertolak ka-Jeddah dengan kapal 'Anshun' melalui Singapura.

Mereka telah di-sertai oleh



Gambar2 atas dan bawah menunjukkan beribu2 manusia yang telah membanjiri tambatan Kastam Di-Raja Brunei untuk menguchapkan selamat belayar kepada bakal2 haji yang telah berlepas ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Mekah.



155 ORANG BAKAL HAJI BRUNEI

BERLEPAS KA-TANAH SUCHI

Pegawai Kebajikan Haji, Awang Suhaimi bin Haji Ismail.

Pegawai Urusan Haji, Awang Kassim bin Haji Ahmad dan beberapa orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyertai bakal2 haji itu hingga Labuan manakala Awang Abdullah bin Simpol, sa-orang pegawai Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyertai mereka hingga ka-Singapura.

Sa-jurus sa-belum mereka bertolak, bakal2 haji itu telah mendengar satu ucapan khas oleh Kadzi Besar, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Md. Zain

bin Hj. Serudin.

Ini di-ikuti oleh bacaan do'a selamat dan azan oleh Mudim Awang Mohamed Yusof bin Abdul Latif.

Awal2 pagi itu kapal pendarat kerajaan, Sindaun, telah mengangkut barang2 bakal haji itu ka-kapal Anshun yang sedang berlaboh di-Labuan.

Sementara itu, bakal2 haji Brunei yang akan pergi dengan kapal terbang akan bertolak dalam dua kumpulan.

Kumpulan pertama akan bertolak dari lapangan terbang Brunei pada 27 Januari dan yang kedua pada 30 Januari.

Sekolah Melayu Pengkalan Batu di-perbesar

BANDAR BRUNEI — Kerajaan telah menawarkan bagi pembinaan bangunan tambahan dan lain2 kerja di-Sekolah Melayu Pengkalan Batu di-Daerah Brunei dan Muara.

Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Nordin bin Abd. Latif ketika mengumumkan perkara ini berkata, apabila siap nanti bangunan tambahan itu akan mempunyai empat bilik darjah yang menjadikan lapan kesemua-nya.

Awang Nordin berkata, sebab utama bangunan itu ditambah ia-lah untuk memberikan tempat yang lebih luas bagi menempatkan kanak2 sekolah dalam darjah enam termasuk murid2 dari sekolah Panchor Murai, Limau Manis dan Masin yang berhampiran.

Dua buah rumah kelas 'F' juga di-bena bagi guru2 yang mengajar di-situ.



Nyamok jenis "Aedes aegypti" di-jumpai di-Kampong Ayer

BANDAR BRUNEI — Jabatan Kesihatan telah mengesan ada-nya nyamok2 jenis 'Aedes

aegypti' semasa di-jalankan satu penyelidikan di-Kampong Ayer awal bulan lalu.

Satu siaran kesihatan jabatan tersebut dalam penerbitan bulan Disember lalu berkata, nyamok2 jenis itu di-shaki membawa salah satu penyakit tulang-belulang atau di-sebut demam 'dengue hemorrhage'.

Penyakit itu ada-lah menjadi satu masalah kesihatan awam di-negara2 Asia Tenggara seperti Filipina dan negeri Thai, bagaimanapun ia-nya di-ketahui tidak begitu meluas di-negeri2 India, Malaysia, Singapura, Pakistan Timur, Burma, Ceylon, Vietnam dan Kemboja.

Sa-orang juruchakap Jabatan Kesihatan berkata, penyakit yang berdarah itu belum lagi berlaku di-negeri ini, tetapi penyelidikan lanjut mengenai ada-nya nyamok2 jenis itu sedang di-ranchangkan.

Gambar atas menunjukkan peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam peraduan pakaian beragam yang telah di-adakan di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei pada 27 Disember yang lalu.

Peraduan tersebut ada-lah salah satu acara dalam anika warna yang telah di-anjarkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Kerani2 dan Peon2 Kerajaan Brunei untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri tahun ini.

Sa-lain daripada persembahan drama, membaca sajak dan nyanyian oleh penyanyi2 tempatan, Peraduan Bintang Pop Hari Raya juga telah di-adakan pada malam itu.

Kemunchak dari acara pada malam itu ia-lah Peraduan Ratu Kebaya.

Jawatan Kosong: Sa-bagai Pegawai Perpustakaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada chalun2 yang menjadi rayat atau yang berhak di-daftarkan sa-bagai rayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pegawai Perpustakaan di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

KELAYAKAN2:

Lulus Chinese Junior Middle Three dan Form II Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang pernah bekerja sekurang2-nya dua tahun dalam Bilik Piring Hitam Bahagian Penyiaran.


GAJI:

Dalam sukatan gaji \$210 x 10 - 270 x 15 - 360 x 20 - 480/EB/500 x 20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti dipenohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Januari, 1969.

SI-TUYU

oleh:m.salleh ibrahim



MUDAH2AN TAHUN 69 ANI INDA JADI MACHAM KALUARAGA 69
CHARITA P.RAMLI ATU.(9 KAMANANGAN)

D.Y.M.M. SAMPAIKAN TITAH UCHAPAN TAHUN BARU

(DARI MUKA 1)

Mengenai perkembangan yang telah di-chapai kemajuan-nya, Baginda bertitah bahawa dengan bermula-nya projek2 seperti Pelabohan Muara dan Lapangan Terbang Antara Bangsa akan memajukan lagi perhubungan2 dalam bidang kehidupan terutama sekali meluaskan bidang2 pelancongan dan perdagangan.

Usaha ini, titah Baginda, akan dapat menambahkan kekukuhan ekonomi negara di-samping mengukuhkan amalan berbaik2 dengan jiran2 yang baik.

Selanjut-nya Baginda bertitah tentang ketegangan usaha2 Kerajaan pada berikhtiar melaksanakan usaha kebajikan dengan di-sertai rahmat yang di-nikmati oleh tiap2 sa-orang hamba Allah sabagai rezeki yang halal.

"Dalam bidang ini hendaklah untuk kebajikan negara dan akan dapat menjalankan peranan yang berupa laila sumbangan yang benar2 mustahak — bermunafaat laila berfaedah terhadap perkembangan2 ekonomi dan sosial yang akan meninggikan lagi taraf hidup penduduk2 di-pendalaman", titah Baginda.

Baginda selanjut-nya bertitah bahawa hasil dari usaha2 yang berfaedah itu akan dapat mengekalkan — mengelakkan — "memantuni" dan mengasoh usaha2 dari hasrat2 hati untuk aman, bahagia dan harmoni.

Baginda menekankan bahawa usaha itu ada-lah merupakan tanggung-jawab kita semua — raayat dan penduduk Negeri Brunei ini seluruh-nya.

Dengan itu Baginda berharap, raayat negeri ini dengan melalui ketua2 dan menteri2 pendalaman, akan dapat memahami laila usaha2 yang berasaskan kerjasama laila sentosa bagi menasehat untuk dapat mengatasi segala kesulitan di-kampong2 pendalaman bagi membolehkan Kerajaan melaksanakan usaha2 dengan sempurna di-masa2 yang akan datang.


Bertitah tentang dasar melateh anak2 tempatan, Baginda menegaskan:

"Kerajaan Beta menjalankan usaha bagi melateh dan telah pun menghantar anak2 negeri ini menuntut keluar negeri dengan harapan laila hitung jangka panjang di-satu masa kelak mereka itu sahara beransor2 akan mengendalikan jabatan2 Kerajaan sa-telah mereka lulus dan laila berpengalaman serta mengendalikan tanggung-jawab yang benar2 mendatangkan faedah dan bermunafaat untuk negeri dan raayat".

Dengan itu nanti akan dapat melaksanakan seperti yang di-sebut Baginda dalam titah tersebut: "Ka-arrah kebajikan bermusharakat, — ka-arrah bahagia berkeluarga, — ka-arrah munasabah bersependapat, — ka-arrah munafaat genggaman hati, — baik memperbaik laila sipatan (ukoran), dan, — tegoran membena pembetulan huruf".

Titah Baginda selanjut-nya: "Bersempena hari baik dan saat yang berkat ini, Beta ingin mengucapkan terima kasih dan penghargaan serta selamat tahun baru kepada semua pegawai2 yang telah Beta tugaskan bagi melaksanakan Kerajaan Beta; Pegawai2 dan anggota2 badan keselamatan ia-itu pehak Pulis Di-Raja, Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Tentera Di-Raja British.

"Kapada sahabat Beta, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, dan melalui sahabat Beta itu, kapada Kerajaan Baginda Queen demikian juga kapada raayat dan penduduk negeri ini, Beta juga mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas kerjasama yang telah di-berikan kapada Beta dalam usaha2 Kerajaan Beta meninggikan lagi taraf hidup, keamanan, keselamatan, kesentosaan dan keharmonian Negeri Brunei Darul Salam yang mempunyai raayat dalam-nya ini".



Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi
British, Awang A.R. Adair.

UJIAN YANG DI-BAWA OLEH TAHUN 1969

(Dari Muka 1)

Brunei, kata-nya, sedang berhadapan dengan berbagai2 projek raksasa antara-nya projek pembinaan Lapangan Terbang Antara Bangsa yang sudah tentu akan menimbulkan bermacam2 persoalan yang perlu kita selesaikan dan atasi.

Beliau menambah bahawa dalam dunia yang bertambah2 mengamalkan dasar sandar menyandar, Negeri Brunei tidak dapat lari dari kesan riak gelombang kejadian2 di-negara2 jiran.

Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar menegaskan bahawa dengan ada-nya chabaran2 itu, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia akan terus menerus memperpesatkan usaha-nya melateh dan memberi kemudahan2 serta kesempatan2 kapada anak negeri menuntut ilmu pengetahuan di-berbagai2 bidang supaya dapat menyumbangkan tenaga yang berkesan dalam pembangunan negara.

Beliau berkata bahawa kita akan mengkaji kemudahan2 yang sudah ada dan dengan sedaya upaya akan berusaha menyesuaikan, memperbaiki, menambah kemudahan2 itu selaras dengan kehendak2 kita pada waktu ini dan masa hadapan.

Untuk kejayaan ini, beliau mengharapkan kerjasama raayat dan penduduk negeri ini dan memberikan sumbangan yang bermakna.

Yang Amat Berhormat menyeru pegawai2 Kerajaan baik yang terdiri dari anak2 tempatan mahu pun yang datang dari luar negeri dan kapada pemimpin2 kaum serta ahli2 politik agar menyedari akan tanggung-jawab yang besar terhadap raayat dan negara dalam rangka kegiatan agong Kerajaan untuk membentok satu masharakat yang dinamik, stabil dan tabah serta membentok sa-buah negara yang makmor aman damai dan di-segani di-seluruh dunia.

"Kapada semua mereka yang berwajib ini saya berseru supaya mereka melupakan chita2 persorang — hasrat dengki dan sifat "siapa besar". Terus-lah berkhidmat dan berusaha untuk kebaikan raayat dan negara".



Yang Amat Mulia Pengiran Setia
Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof.

Beliau juga menyeru kapada pegawai2 yang di-datangkan dari luar agar mensifatkan Negeri Brunei ini sa-bagai negeri mereka sendiri dalam menjalankan tugas masing2, tetapi bukan sa-bagai sa-buah tempat bekerja sementara dan semata2 untuk kemudahan.

Beliau mengucapkan terima kasih kapada semua pegawai2 Kerajaan di-semua peringkat kerana perkhidmatan yang chemerlang di-tahun yang sudah.

"Tanpa kerjasama dan sokongan serta usaha mereka, saya perchaya Kerajaan tidak akan dapat menjalankan jentera pentadbiran dan pembangunan-nya dengan kemas dan teratur", jelas beliau.

Ucapan terima kasih ini juga di-tujukan beliau kapada pegawai2, anggota2 Askar Melayu Di-Raja Brunei dan pasukan Pulis Di-Raja Brunei serta askar Baginda Queen dan mengucapkan tahniah atas kejayaan di-tahun sudah bagi mengatasi masalaah2 ketenteraman dan keamanan dalam negeri dengan chukop terator dan memuaskan.

Kapada seluruh raayat dan semua peringkat yang ada dalam Negeri Brunei ini, Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar, selaku kepala pegawai2 pentadbiran negeri ini mengucapkan selamat tahun baru dan "selamat menempoh Tahun Ujian".

1968 MEMBUKA JALAN KEMAJUAN EKONOMI BRUNEI —Adair

BANDAR BRUNEI — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British bagi Brunei, Awang A.R. Adair dalam perutusan kapada raayat negeri ini bagi mengalu2kan kedatangan tahun baru berkata bahawa tahun 1968 telah membuka jalan bagi kemajuan ekonomi di-negeri ini.

Beliau menyentuh tentang termeteri-nya perjanjian dengan sharikat2 minyak yang mana akan menambahkan kemakmoran kapada negeri ini di-tahun2 yang ka-hadapan.

Tuan Yang Terutama itu berkata, Brunei sedang menjadi sa-buah negara moden dan maju dengan segala chabaran dan tanggung-jawab yang mesti di-hadapi.

Perubahan2 pada masa ini sedang berlaku di-Brunei dan pemimpin2-nya mesti-lah menyesuaikan diri mereka dengan perkembangan2 ini.

Tuan Yang Terutama berkata bahawa beliau yakin jika semua raayat bekerjasama dengan penoh tekad, segala chabaran itu boleh di-hadapi dan Brunei akan terus menjadi sa-buah negeri 'darul-salam' yang sa-benar-nya.

Dua orang pegawai hadhiri kursus di-U.K.

BANDAR BRUNEI—Awangku Mohammad Yassin bin Pengiran Ahmad, sa-orang pegawai di-Jabatan Kebajikan telah berlepas ka-United Kingdom semalam untuk menghadiri kursus kebajikan di-Sally-oak College sa-lama enam bulan.

Kursus tersebut di-jadualkan bermula pada 4 Januari ini.

Turut berlepas dengan kapal terbang yang sama ia-lah Awang Osman bin Omar, sa-orang pegawai imigeresen.

Awang Osman akan menghadiri satu kursus bagi pegawai2 imigeresen seberang laut di-Britain sa-lama enam minggu.

AHLI2 JAWATANKUASA P.P.P.N.B.

BANDAR BRUNEI — Persekutuan Persatuan2 Paladang Negeri Brunei telah memilih ahli2 jawatankuasa tadbir bagi tahun 1968/69 dalam mashuarat agong-nya yang telah di-adakan pada hari Sabtu lepas.

Yang Di-Pertua — Aw. Abu Bakar bin Abd. Rahman. Naib Yang Di-Pertua — Aw. Abd. Manaf bin Haji Jambol, Setia Usaha Agong — Aw. Rosli bin Omar, Penolong Setia Usaha Agong — Aw. Abd. Hadis bin Tarip dan Bendahari Kehormat — Aw. Lee Wah Onn.